

**ALIRAN WANG KELUAR NEGERA OLEH PEKERJA  
ASING DI DALAM INDUSTRI PEMBINAAN**

**HUDA MASTURA HAILUDDIN**

**Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Pembinaan**

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**APRIL 2007**

## ABSTRAK

Industri pembinaan merupakan sebuah industri yang berintensifkan buruh. Bagi memenuhi keperluan pembangunan yang semakin pesat, penggajian pekerja asing bagi sektor pembinaan merupakan cara yang terbaik memandangkan ianya murah dan mudah diperolehi. Disamping itu, pekerja asing ini juga mampu bekerja berjam-jam serta lebih bersungguh-sungguh untuk mencari rezeki berbanding pekerja tempatan. Namun begitu, penggajian pekerja asing telah menimbulkan banyak masalah yang boleh memberi kesan kepada negara amnya dan kepada industri pembinaan khususnya. Di antara masalah-masalah yang telah ditimbulkan oleh pekerja asing ialah kes jenayah, masalah dari segi kesihatan, budaya sosial, komunikasi dan pengaliran keluar kepakaran serta pengaliran keluar wang. Diantara masalah-masalah yang disebutkan ini, pengaliran keluar wang dilihat sebagai satu masalah yang perlu ditangani kerana ianya boleh memberikan kesan kepada ekonomi negara. Oleh itu, tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengetahui berapakah jumlah yang dihantar pulang oleh setiap pekerja asing di dalam industri pembinaan saban bulan. Seramai 50 orang responden telah dikenalpasti dan diberikan borang soal-selidik bagi mendapatkan gambaran jumlah yang dihantar pulang oleh pekerja asing ini. Hasil daripada kajian, penyelidik telah mengenalpasti bahawa responden menghantar sejumlah RM401 hingga RM500 saban bulan ke negara Indonesia. Dengan jumlah yang besar ini, keseimbangan pendapatan negara boleh terjejas jika jumlah ini diambil kira dengan jumlah pekerja asing yang berada di Malaysia pada masa sekarang. Oleh itu, pihak kerajaan perlu mengambil langkah bijak dalam mengatasi perkara ini seperti memperkuatkan usaha penggajian pekerja tempatan di dalam industri binaan. Di samping itu, kerajaan juga boleh mengawal jumlah yang dihantar pulang oleh pekerja asing memandangkan kesemua responden menghantar duit ke luar negara melalui bank.

## **ABSTRACT**

Construction industry is a labor-intensive industry. To keep in track with the fast-paced development, our country chose to depend on the foreign workers because they are cheaper and easier to get. Further more, these foreign workers are able to work long hours and very determined to work compared to local workers. Nevertheless, employment of these workers resulted increasing problems effecting the construction sector and country. These problems include crime cases, health, socio-culture, communications and expertise exported to other countries and as well as the monetary out-flow. Amongst these problems, the money out-flow is the one that is significant and should be prevented since it will cause an economic impact on the country. Therefore, this research was conducted in order to figure out how much money each foreign worker sent back each month. 50 respondents were identified and surveyed in order to get the estimated amount of how much money they sent back. From the study, the amount sent ranged from RM 401 to RM 500 every month to their country which is Indonesia. This amount affects the country's balance of account if the numbers of the employment of these foreign workers are taken into consideration. Therefore, the government should take a preventive action in order to control the monetary out-flow caused by these foreign labors by enforcing the employment of local workers in the industry. Besides, this problem can be addressed by restricting the amount of money transferred by the foreign workers to their hometown since most of the respondents sending back part of their salary by bank.